

4 MAR 1996

Mahathir-Usahasama

USAHASAMA PENIAGA MELAYU DAN CINA KIKIS PRASANGKA KAUM

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan usahasama tulen antara peniaga Melayu dan Cina di negara ini membuktikan syak wasangka antara kaum dalam bidang ekonomi selama ini sudah dapat dikikis.

Perdana Menteri berkata, walaupun usahasama tulen yang diharap-harapkannya sejak 1981 itu hanya terlaksana sekarang, ia telah membuktikan peniaga Melayu dan Cina sudah mula saling mempercayai antara satu sama lain dan mahu berkongsi sesama mereka.

"Kita bernasib baik kerana kita dapat mewujudkan kerjasama ini dan dapat kurangkan syak wasangka antara kaum," katanya ketika berucap pada majlis perayaan bersama Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina anjuran bersama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM) di sini hari ini.

Katanya, kejayaan usahasama tulen itu juga boleh dibanggakan kerana ia dilaksanakan ketika adanya usaha orang asing menulis buku mengenai peranan orang Cina di Asia Tenggara yang memberi gambaran seolah-olah mereka mengadakan satu pakatan untuk menguasai perniagaan dan perusahaan di rantau ini.

Menurut beliau, buku itu juga mendakwa kononnya semua kejayaan di negara-negara Asia Tenggara adalah hasil usaha peniaga dan pengusaha Cina.

Sambil menyifatkan dakwaan itu sebagai tidak tepat, Dr Mahathir berkata, jika suasana tidak mengizinkan adalah mustahil bagi peniaga Cina mencapai kejayaan di rantau ini walaupun mereka cekap dalam perniagaan.

"Tetapi oleh kerana perhubungan yang baik di Malaysia ini maka kita melihat hasilnya begitu baik dan kita tidak boleh lagi katakan bahawa pembangunan ekonomi Malaysia ini hanya kerana peniaga dan pengusaha Cina," katanya.

Perdana Menteri berkata, peniaga Melayu turut memainkan peranan besar dalam pembangunan ekonomi negara ini kerana terdapat juga banyak syarikat-syarikat besar dimiliki peniaga Melayu sama ada secara perkongsian dengan peniaga lain atau persendirian.

Katanya, sekarang juga sudah ada syarikat orang Melayu yang menggaji pengurus dan eksekutif Cina dan begitu juga sebaliknya, pengurus dan eksekutif Melayu terlibat secara langsung dalam kejayaan perniagaan syarikat-syarikat milik orang Cina.

"Ini adalah satu pencapaian yang elok, molek dan saya yakin ia akan dapat diteruskan lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kejayaan usahasama tulen antara peniaga Melayu dan Cina semakin terserlah dengan adanya cadangan untuk menggabungkan lebih banyak syarikat.

Selain itu, beliau berkata, sudah pun ada cadangan untuk menyenaraikan beberapa syarikat perkongsian itu di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak lama lagi.

Katanya, cadangan itu menunjukkan kemajuan yang pesat boleh dicapai dalam masa yang begitu singkat jika kedua-dua pihak ikhlas dan saling mempercayai.

Perdana Menteri berharap kerjasama yang erat itu dapat menghapuskan pengasingan antara kaum dalam kedua-dua bidang berkenaan.

"Saya yakin dengan cara ini semua pihak akan mendapat manfaat dan semua pihak akan mendapat kejayaan," katanya. -- BERNAMA

AH NMO

